



DATE	4 / 11 / 2012	SECTION	National
PAGE	3	COLUMN	Tempatan

Tabung Haji akan cari jalan serap kos kenaikan

MAKKAH: Tabung Haji akan mencari jalan untuk menyerap kos kenaikan penginapan di Makkah dan Madinah berikutan perkembangan pesat di Tanah Suci, antaranya melalui perjanjian sewa jangka panjang, kata Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji Datuk Ismee Ismail.

Beliau berkata perjanjian antara lima hingga 10 tahun yang diamalkan Tabung Haji ketika ini didapati mampu mengekalkan kadar sewa dalam tempoh tersebut.

Katanya, meskipun masih terlalu awal untuk membuat kajian berhubung kenaikan kos menunaikan rukun Islam kelima itu, Tabung Haji akan mengambil langkah sewajarnya seperti yang dilakukan sebelum ini.

Ismee berkata sudah tiga tahun Tabung Haji mampu menyerap kenaikan itu walaupun kos penerbangan meningkat akibat kenaikan harga minyak selain kenaikan sewa penginapan di Tanah Suci.

"Kos sebenar untuk seorang jemaah ialah RM15,150. Jemaah hanya mengeluarkan wang sebanyak RM9,980

sahaja dan bakinya ditanggung oleh Tabung Haji melalui keuntungan pelaburan yang diperoleh," katanya di sini, Sabtu.

Pembangunan pesat di Makkah menyaksikan bangunan lama, yang menawarkan sewa murah kepada jemaah dirobohkan untuk pembinaan penempatan dan hotel lebih mewah.

Bagaimanapun, Ismee tidak menolak kemungkinan jemaah haji Malaysia terpaksa ditempatkan di lokasi lebih jauh berbanding sekarang jika rumah penginapan dan hotel biasa di sekeliling Masjidil Haram dirobohkan untuk memberi laluan kepada pembinaan hotel lima bintang.

"Kita sentiasa pantau melalui pejabat kita di Jeddah untuk mencari bangunan alternatif yang bersesuaian. Contohnya, di pejabat ini, (ibu pejabat Tabung Haji di Abraj Al-Janadriah) jaraknya adalah sejauh 750 meter dari Masjidil Haram tetapi selepas proses pembebasan tempat suci itu, jarak menjadi lebih kurang 500 meter sahaja," katanya. - Bernama